

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : BANTUAN ATAU BAJET KEPADA SEKOLAH DALAM NEGERI
SELANGOR**

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Isu infrastruktur SMK & SK memerlukan perhatian segera dan mendesak. Selain dari Kementerian Pendidikan, apakah bentuk bantuan segera dan yang boleh Kerajaan Negeri salurkan bagi menyenggara Sekolah Kebangsaan Dan Sekolah Menengah Kebangsaan di dalam DUN Teratai?
- b) Berapakah bajet tahunan dari Kerajaan Negeri Selangor bagi bantuan kepada SJK Cina dan SK Tamil?
- c) Berapakah bajet tahunan dari Kerajaan Negeri Selangor bagi bantuan kepada 'Private Secondary School' dalam Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil pendekatan terbuka dan sentiasa menggalakkan pelibatan semua pihak dalam membantu KPM meningkatkan tahap pendidikan murid di sekolah. Langkah ini selaras dengan Anjakan 9: Bekerjasama dengan Ibu bapa, Komuniti dan Sektor Swasta Secara Meluas di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025. Dalam hal ini, KPM telah mengeluarkan Surat Pekeling Ikhtisas (SPI) Bil. 3/2018 : Panduan Penyaluran dan Penerimaan Sumbangan daripada Sektor Swasta dan Bukan Swasta kepada Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pihak Kerajaan Negeri boleh menyalurkan bantuan sama ada dalam bentuk kewangan, material atau kepakaran kepada sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan melalui Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah atau terus ke sekolah dengan berpandukan prosedur yang telah dijelaskan dalam SPI tersebut.

- b) Bajet tahunan dari Kerajaan Negeri Selangor bagi bantuan kepada SJK Cina adalah sebanyak RM6,000,000.00 manakala bantuan kepada SK Tamil adalah sebanyak RM5,000,000.00 setahun.

- c) Bajet tahunan dari Kerajaan Negeri Selangor bagi bantuan kepada '*Private Secondary School*' dalam Negeri Selangor adalah sebanyak RM2,000,000.00 setahun.

SENARAI ADUAN KEROSAKAN BANGUNAN SEKOLAH YANG BELUM DILAKSANAKAN DAN TELAH DILAKSANAKAN BAGI TAHUN 2018 (DUN TERATAI)

NO	NAMA SEKOLAH	KEROSAKAN YANG BELUM DILAKSANAKAN	ANGGARAN KOS (RM)	KEROSAKAN YANG TELAH DILAKSANAKAN	ANGGARAN KOS (RM)
1	SK KG. CHERAS BAHARU	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH SUSUR GAJAH YANG ROSAK SERTA LAIN KERJA YANG BERKAITAN	RM 361,000.00 (KOS JKR)	KERJA PEMBAIKAN BUMBUNG, SALURAN AIR HUJAN DAN SALUR TEGAK AIR HUJAN – PROJEK PP KHAS 2018	30,000.00
		KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH KEBOCORAN PAIP AIR DAN SALURAN AIR TANDAS DI BLOK A SERTA LAIN KERJA YANG BERKAITAN			
		KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH KEROSAKAN PAM AUTOMATIK SERTA LAIN KERJA YANG BERKAITAN			
		KERJA-KERJA MEROBOH BANGUNAN BLOK C SERTA LAIN KERJA YANG BERKAITAN			
2	SK TAMAN MUDA	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN SISTEM PENCEGAHAN KEBAKARAN DI SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN MUDA	19,504.00 (BQ PPD)		
				KERJA PEMBAIKAN BUMBUNG, SALURAN AIR HUJAN DAN SALUR TEGAK AIR HUJAN DI KANTIN SEKOLAH	20,000.00
3	SK CHERAS INDAH	KERJA-KERJA BAIKPULIH PAGAR SERTA LAIN KERJA YANG BERKAITAN	30,000.00 (BQ PPD)		
		KERJA-KERJA BAIKPULIH KEROSAKAN BUMBUNG BLOK B	6,937.70 (BQ PPD)		
4	SK PANDAN PERDANA	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN KEROSAKAN BUMBUNG SERTA KERJA YANG	288,540.00 (KOS JKR)		
5	SK TAMAN BUKIT TERATAI	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN BANGUNAN SEKOLAH	455,000.00 (KOS JKR)		
6	SK PANDAN INDAH	KERJA-KERJA KEROSAKAN BUMBUNG, SILING DAN SERANGAN ANAI-ANAI	70,000.00 (BQ PPD)		
		KERJA-KERJA PEMBAIKAN PAIP PECAH BAWAH TANAH	14,510.00 (BQ PPD)		
		KERJA-KERJA BAIKPULIH PAM AIR YANG ROSAK DAN BOCOR SERTA KERJA YANG BERKAITAN	13,500.00 (BQ PPD)		
7	SK TASEK PERMAI	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN BANGUNAN SEKOLAH	44,000.00 (BQ PPD)		
		KERJA-KERJA PEMBAIKAN KEBOCORAN PAIP BAWAH TANAH	10,000.00 (BQ PPD)		
		KERJA-KERJA NAIKTARAF PAGAR SEKOLAH	280,000.00 (BQ PPD)		
		KERJA-KERJA PEMBAIKAN HAKISAN LERENG BUKIT SERTA LAIN KERJA YANG BERKAITAN	25,000.00 (BQ PPD)		
8	SIKC ON PONG 2	TIADA PERMOHONAN BAIKPULIH DIHANTAR KE PPD			
9	SMK PANDAN INDAH	KEROSAKAN LANTAI MAKMAL	15,000.00 (BQ PPD)		
10	SMK TASEK PERMAI	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH BUMBUNG KANTIN DAN SALURAN AIR HUJAN RUMAH PAM BOMBA	15,500.00 (BQ PPD)		
		KERJA-KERJA PEMBAIKAN PAIP BOCOR DAN HAKISAN LERENG BUKIT SERTA LAIN KERJA YANG BERKAITAN	20,000.00 (BQ PPD)		

11	SMK PANDAN MEWAH	KERJA-KERJA BAIKPULIH KEBOCORAN PAIP PADA LANTAI BANGUNAN BLOK A (TINGKAT SATU) SERTA KERJA YANG BERKAITAN	6,200.00	(BQ PPD)		
		KERJA-KERJA MENYELENGGARA KEROSAKAN BANGUNAN SEKOLAH SERTA KERJA YANG BERKAITAN	71,500.00	(BQ PPD)		
		KERJA-KERJA MENYELENGGARA SALURAN KUMBAHAN YANG TERSUMBAT SERTA KERJA YANG BERKAITAN	18550	(BQ PPD)	TELAH DILAKSANKAN	
		KERJA-KERJA MENYELENGGARA TANDAS RUMAH GURU G2-3-4 YANG ROSAK	2,000.00	(BQ PPD)		
12	SMK TAMAN SERAYA				KERJA PEMBAIKAN BUMBUNG, SALURAN AIR HUJAN DAN SALUR TEGAK AIR HUJAN KANTIN SEKOLAH- PROJEK PP KHAS 2018	35,000.00
		KERJA-KERJA BAIKPULIH MEJA MAKMAL DI BLOK A SERTA KERJA YANG BERKAITAN DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TAMAN SERAYA	20,000.00	(BQ PPD)		

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : PERMOHONAN TELAH DITANGGUH LAMA

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Keperluan kemudahan jejantas pejalan kaki murid sekolah SMK Seraya melintasi Jalan Mawar, Taman Seraya Ampang. Apakah status permohonan bagi membangunkan jejantas tersebut yang pernah dipohon ke JKR Hulu Langat sebelum ini?
- b) Apakah cara bagi pihak JKR untuk mempercepatkan proses pembinaan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Pihak jabatan telah mendapatkan kelulusan pihak UPEN untuk melaksanakan kajian awal melalui peruntukan P12 PK01 – Kerja Awalan. Pihak jabatan juga telah memohon bagi butiran baru untuk pelaksanaan projek ini pada tahun 2019 dengan anggaran kos RM 4 Juta.
- b) Pihak JKR Selangor telah selesai melaksanakan kerja-kerja Ukur dan sedang melaksanakan kerja penyiasatan tanah. Proses Pembinaan ini akan bermula selepas mendapat kelulusan butiran projek untuk tahun 2019.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : SELENGGARAAN SUNGAI YANG PERLU DAPAT PRIHATIN OLEH PIHAT
KERAJAAN PUSAT DAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- c) Nyatakan kekerapan penyelenggaraan tebing Sungai Kerayong di Ampang Jaya dan perancangan untuk mendalamkan Sungai Kerayong yang cetek.

JAWAPAN:

- c) Untuk makluman, kerja-kerja penyelenggaraan Sungai Kerayong bermula di Kg Cheras Baharu sehingga ke Taman Cheras Indah Mukim Ampang telah ditawarkan pada 16 Ogos 2018 dan dijangka siap pada 11 Oktober 2018 dengan kos kontrak sebanyak RM101,720.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : SKIM CERIA

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selepas tamat Skim Ceria, apakah rancangan Kerajaan bagi meneruskan program serupa yang berkesan membantu pengurusan rumah berstrata kos rendah?

JAWAPAN:

- a) Setakat ini Kerajaan Negeri masih meneruskan Skim CERIA dan belum bercadang untuk menamatkan skim bantuan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : STATUS TERKINI DASAR TANPA BEG PLASTIK

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini dasar tanpa beg plastik di Selangor dan berapakah jumlah wang yang telah dikutip dan dimanakah ia telah dibelanjakan?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan Keputusan MMKN Bil. 21/2016, Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju untuk melaksanakan Kempen Bebas Plastik dan Polistirena pada setiap hari bermula 1 Januari 2017. Sehingga kini, Kempen ini masih diteruskan dengan kerjasama semua PBT Negeri Selangor. Kerajaan Negeri juga akan menjalankan satu kajian bagi mengkaji keberkesanan kadar caj RM0.20 sen dan langkah-langkah bagi menambahbaik pelaksanaan Kempen ini.

Selain itu, dengan peralihan Kerajaan Persekutuan yang baru, Kerajaan Negeri turut menyokong hasrat dan akan bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam melaksanakan Kempen Sekatan Penggunaan Beg Plastik di seluruh negara pada tahun 2019.

Bagi jumlah kutipan caj RM0.20 sen pula, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pengguna telah menjalankan kutipan data caj RM0.20 sen daripada peniaga-peniaga dan premis makanan di Negeri Selangor. Namun begitu, tidak semua peniaga memberikan data sepertimana yang dipohon. Butiran data kutipan caj RM0.20 sen bagi tahun 2017 dan 2018 yang telah diperolehi adalah seperti jadual berikut:

KATEGORI PERNIAGAAN	JUMLAH KUTIPAN (RM)	
	2017 (Januari - Disember)	2018 (Januari - Julai)
Pasaraya	9,335,444.40	4,218,635.60
Premis Makanan	1,497,271.20	527,960.80

Bagi menjawab pertanyaan berhubung penyaluran kutipan wang tersebut, Kerajaan Negeri menggalakkan pihak peniaga untuk melaksanakan program *Corporate Social Responsibility* (CSR) ke arah pemuliharaan alam sekitar serta pembersihan sungai dan pantai. Sebagai contoh, AEON Co Malaysia Sdn Bhd telah menggunakan hasil kutipan caj RM0.20 sen berjumlah RM200,000.00 bagi melaksanakan Program Penanaman Pokok Untuk Pembiakan Kelip-Kelip di Kampung Kuantan, Kuala Selangor yang telah dilaksanakan pada 3 Ogos 2018. Selain itu, pada tahun 2017 Pasaraya 99Speedmart telah menyumbangkan sejumlah RM500,000.00 kepada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan RM500,000.00 kepada Majlis Perbandaran Klang (MPK) bagi melaksanakan Program Pembersihan Sungai Klang.

Di samping itu, peniaga-peniaga lain juga turut mengambil inisiatif dan pendekatan yang hampir sama untuk memulihara alam sekitar serta menyalurkan bantuan kepada golongan yang kurang berkemampuan dengan menggunakan hasil kutipan caj RM0.20 sen tersebut. Butiran inisiatif dan aktiviti CSR yang telah diterima daripada pihak peniaga bagi tahun 2017 adalah seperti di Lampiran A dan bagi tahun 2018 adalah seperti di Lampiran B.

LAMPIRAN A

LAPORAN PELAKSANAAN “CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY” (CSR) TAHUN 2017		
BIL	PASARAYA	AKTIVITI CSR
1.	AEON CO (M) BHD	<ul style="list-style-type: none"> i. Projek Penghutanan dan Pemuliharaan Orang Utan Di Utara Ulu Segama, Lahad Datu, Sabah dengan kerjasama WWF-Malaysia dan Jabatan Perhutanan Sabah - RM300,000.00 ii. Aktiviti mendidik pelanggan mengenai kelestarian alam iii. Menghasilkan bag guna semula dengan kerjasama agensi koperasi antarabangsa Jepun (JICA) iv. Program konservasi di Pulau Bidong, Terengganu v. Program membersihkan pantai di Pantai Batu Burok, Terengganu vi. Tanaman landskap di Silibin, Ipoh, Perak vii. Program menanam pokok di Bidor, Perak untuk tujuan penghutanan semula viii. Aktiviti untuk mengurangkan penggunaan beg plastik di kalangan pelanggan di Perak ix. Aktiviti-aktiviti yang menyokong Hari Kemerdekaan, Hari Menuai dan Minggu Perpaduan Malaysia di Selangor x. Menghasilkan beg guna semula sempena Hari Alam Sekitar Malaysia di Melaka dan Kelantan xi. Penanaman pokok di sekitar pintu gerbang Lembah Sireh di Kota Baharu, Kelantan - RM200,000.00.
2	GCH RETAIL (MALAYSIA) S/B	<ul style="list-style-type: none"> i. CSR Recycle Beg - RM873,319.00 ii. Giant Love My School - RM45,893.00
3	THE STORE	<ul style="list-style-type: none"> i. Kempen kebajikan untuk rumah anak-anak yatim, ruman orang tua dan pertubuhan-pertubuhan kebajikan ii. Bekerjasama dalam merancang program kebajikan berterusan bersama

LAPORAN PELAKSANAAN “CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY” (CSR) TAHUN 2017

BIL	PASARAYA	AKTIVITI CSR
		<p>yayasan budi penyayang, mykasih dan sebagainya</p> <p>iii. Menjalankan aktiviti tahunan majlis berbuka puasa di beberapa cawangan the store sempena sambutan hari raya</p> <p>iv. Menghulurkan bantuan hamper, barangan keperluan harian kepada beberapa pertubuhan & yayasan kebajikan masyarakat. juga turut serta dalam aktiviti kemasyarakatan bersama pertubuhan yang terpilih.</p>
4	ECONMART SUPERMARKET	i. Pemberian sumbangan berbentuk keperluan harian di rumah anak yatim di Kuala Selangor.
5	ECONSAVE CASH & CARRY S/B	<p>ii. Pemberian sumbangan berbentuk keperluan harian di rumah anak yatim semasa perayaan pada tarikh yang akan ditentukan kemudian</p> <p>iii. Sumbangan voucher Econsave atau barang keperluan kepada keluarga miskin, mangsa kemalangan dan kebakaran.</p>
6	TF VALUE MART	i. Pemberian sumbangan berbentuk keperluan harian di rumah anak yatim di Kuala Selangor.
7	SEGI CASH & CARRY S/B	<p>i. Pengedaran ‘recycle bag’ berjumlah 3,000 unit secara percuma untuk setiap pembukaan cawangan baru pasar raya segi - RM234,000.00</p> <p>ii. Sumbangan barangan makanan/minuman kepada Selangor Youth Raja Muda Selangor - RM10,000.00</p> <p>iii. Program Bantuan dan Ziarah Ramadhan 2017 oleh Selangor Youth Community - RM8,000.00</p> <p>iv. Sumbangan berbentuk makanan segera kepada Kechara Soup Kitchen setiap bulan - RM27,000.00</p> <p>v. Sumbangan sambutan Hari Raya Aidilfitri berjumlah RM5,000.00 kepada: - Surau Nurul Sham, Jalan Kebun</p>

LAPORAN PELAKSANAAN “CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY” (CSR) TAHUN 2017

BIL	PASARAYA	AKTIVITI CSR
		<ul style="list-style-type: none"> - Masjid Almuttaqin Permatang Pasir, Banting - Rumah Anak Yatim dan Asnaf As-Solihin, Kanchong Darat - Rumah Kebajikan Cahaya Kasih, Kg Melayu Subang - SAY – Segifresh Funrdrising Dinner – RM234,000.00
8	PASARAYA BORONG MATAHARI	<ul style="list-style-type: none"> i. Sumbangan kepada Grace Assembly of God – RM1,000.00 ii. Program Agihan Bubur Lambuk & Agihan Bantuan Ramadhan Asnaf – RM1,000.00 iii. Menjayakan aktiviti Persatuan Penduduk PJS 2 Taman Dato Harun – RM1,000.00 iv. Persatuan Kebajikan Charity Merit KL & Selangor – RM15,000.00 v. The KL Selangor Che Huan Khor Moral Uplifting Society RM3,000.00
9	CHEKERS HYPERMARKET S/B	<ul style="list-style-type: none"> i. Sumbangan mangsa banjir (Julai 2017) – RM2,544.00 ii. Sumbangan Rumah Kebajikan Warga Tua – RM33,764.41
10	TWO PLY	<ul style="list-style-type: none"> i. Tajaan Barangan kepada SMKJ (C) Pin Hua – RM306.00
BIL	PREMIS MAKANAN	AKTIVITI CSR
1.	BURGER KING MALAYSIA	<ul style="list-style-type: none"> i. Sumbangan Bunga sempena Hari Ibu ii. Sumbangan makanan sempena Majlis Berbuka Puasa di Majlis Berbuka Puasa bersama anak-anak yatim Teratak Nur Barakah iii. Sumbangan Chinese Movie Shooting (Best Story Product Placement) iv. Sumbangan kepada Sekinchan Tourism Development Association v. Sumbangan kepada Persatuan Penuntut-Penuntut Tua Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah Pin Hua Klang.

LAMPIRAN B

LAPORAN PELAKSANAAN “CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY” (CSR) TAHUN 2018		
BIL	PASARAYA	AKTIVITI CSR
1	AEON CO (M) BHD	i. Program Penanaman Pokok untuk pembiakan kelip-kelip di Kampung Kuantan, Kuala Selangor pada bulan Ogos 2018 – RM200,000.00 ii. Program akan datang: - Pembersihan pantai bersama komuniti setempat di Pantai Remis, Kuala Selangor – RM160,000.00 - Program penanaman pokok di kawasan Shah Alam – RM200,000.00
2	ECONSAVE CASH & CARRY S/B	i. Sumbangan baucar Econsave kepada keluarga miskin sempena Tahun Baru Cina.
3	SEGI CASH & CARRY S/B	i. Pengedaran beg kitar semula berjumlah 3,000 unit secara percuma untuk setiap pembukaan cawangan baru pasaraya Segi – RM46,800.00
4	CS BROTHERS SDN BHD	i. Mengedarkan 50,000 unit beg kitar semula percuma kepada pelanggan untuk menggalakkan penggunaan beg plastik.
5	CHERKERS HYPERMARKET S/B	i. Sumbangan makanan bagi program Food 4 You oleh UKM Bangi – RM773.80 ii. Majlis Bandaraya Shah Alam – RM 395.98 iii. Majlis Jalinan Aidilfitri Balai BOMBA Seksyen 15 Shah Alam _RM600.63 iv. Program Khidmat Masyarakat – Jelajah Prihatin MBSA tahun 2018 – RM1,568.64

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : RUMAH KOS RENDAH DAN MAMPU MILIK

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk selaraskan penyediaan rumah kos rendah Rumah Selangorku dengan rancangan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri mempunyai Dasar Perumahan Mampu Milik Rumah Selangorku yang mana ianya merangkumi keperluan penyediaan rumah Jenis A (dahulu dikenali sebagai rumah kos rendah) yang dikenakan ke atas setiap pembangunan yang berkeluasan 10 ekar dan ke atas.

Oleh itu, Kerajaan Negeri bersedia berbincang dengan Kerajaan Persekutuan khususnya berkenaan dengan penyediaan Perumahan Awam / Projek Perumahan Rakyat (PPR). Kerajaan Negeri akan berperanan dalam mengenalpasti lokasi dan menyediakan tapak yang bersesuaian dan Kerajaan Persekutuan akan menyediakan dana / peruntukkan bagi menjayakan projek tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PERKAHWINAN BAWAH UMUR DI SELANGOR

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan permohonan dan kelulusan perkahwinan bawah umur mengikut DUN, pecahan kaum dan taraf ekonomi.

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan kepada rekod pendaftaran kes di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS), jumlah Permohonan Kebenaran Nikah Bawah Umur bagi orang Islam yang didaftarkan di Negeri ini dalam tempoh 2015 hingga 2017 adalah sebanyak 245 kes. Daripada jumlah tersebut sebanyak 221 permohonan diluluskan oleh mahkamah, manakala yang selebihnya dibuang, ditolak atau pemohon menarik semula permohonan mereka. Data terperinci adalah seperti berikut:

Bil	Status/Tahun	2015	2016	2017	Jumlah
1.	Lulus Permohonan	85	66	70	221
2.	Batal/Buang Permohonan	6	5	13	24
Jumlah		91	71	83	245

Data perkahwinan bawah umur bagi yang bukan Islam, ia di bawah kawalan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Putrajaya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : RUMAH TERBIAR

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan bilangan rumah terbiar di Selangor. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan isu rumah yang telah terbiar untuk jangka masa yang lama?

JAWAPAN:

BIL	PEMAJU ASAL	PROJEK	STATUS TAPAK	BILANGAN RUMAH
1	EQUISETE PALMS SDN BHD	TAMAN MANGGIS JAYA: CADANGAN MEMBINA 6 UNIT RUMAH BERKEMBAR DAN 4 UNIT RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT (SEBAHAGIAN DARIPADA 14 UNIT RUMAH) DI ATAS LOT 17171, JALAN KLANG-MORIB, KUALA LANGAT.	Telah dibina cerucuk, stump dan rasuk. Binaan terhenti dan terbiar (di pagar). TIADA AKTIVITI DI TAPAK	10
2	C.K.LEE DEVELOPMENT SDN BHD	TAMAN AMAN: CADANGAN MEMBINA 9 UNIT RUMAH KEDAI 3 TINGKAT DI ATAS LOT 22, PEKAN TELUK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.	Telah dibina cerucuk, stump dan rasuk. Binaan terhenti dan terbiar. TIADA AKTIVITI DI TAPAK	9
3	SYAHIRA DEVELOPMENT SDN. BHD. (In Liquidation)	TAMAN SIJANGKANG JAYA: CADANGAN MEMBINA 74 UNIT RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT DI ATAS LOT 7385 , KUALA LANGAT.	18 unit sahaja dibina 90% siap dan terbiar sejak tahun 2007. TIADA AKTIVITI DI TAPAK	18
4	ATLAW HOUSING SDN. BHD.	KAMPUNG SIJANGKANG: CADANGAN MEMBINA 70 UNIT RUMAH TERES 1 TINGKAT DI ATAS LOT 679 , JALAN MELOR , TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.	Kerja tanah telah dibuat. Kerja binaan 15% siap, terhenti dan terbiar semak. TIADA AKTIVITI DI TAPAK	30

BIL	PEMAJU ASAL	PROJEK	STATUS TAPAK	BILANGAN RUMAH
5	RHID DEVELOPMENT SDN. BHD.	TAMAN BENTARA: CADANGAN MEMBINA 6 UNIT RUMAH SESEBUAH 1 & 2 TINGKAT & 24 UNIT RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT DI ATAS LOT 4324, JALAN PIPIT , TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.	Satu unit rumah sesebuah dan sebahagian rumah berkembar telah dibina 60% siap dan terbiar. TIADA AKTIVITI DI TAPAK	30
6	RHID DEVELOPMENT SDN. BHD.	TAMAN BENTARA: CADANGAN MEMBINA 4 UNIT RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT & 28 UNIT RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT DI ATAS LOT 4321, JALAN PIPIT , TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.	Sebahagian rumah berkembar telah dibina 80% siap dan terbiar. TIADA AKTIVITI DI TAPAK	32
7	RHID DEVELOPMENT SDN. BHD.	TAMAN BENTARA: CADANGAN MEMBINA 2 UNIT RUMAH SESEBUAH SATU TINGKAT DAN 26 UNIT RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT DI ATAS LOT 4345, JALAN PIPIT , TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT	Sebahagian rumah berkembar telah dibina 70% siap dan terbiar. TIADA AKTIVITI DI TAPAK	28
8	RHID DEVELOPMENT SDN. BHD.	TAMAN BENTARA: CADANGAN MEMBINA 2 UNIT RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT & 32 UNIT RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT DI ATAS LOT 4329, JALAN PIPIT , TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.	Sebahagian rumah berkembar telah dibina 40% siap dan terbiar. TIADA AKTIVITI DI TAPAK	34

BIL	PEMAJU ASAL	PROJEK	STATUS TAPAK	BILANGAN RUMAH
9	LASAH EMAS SDN. BHD.	TAMAN BENTARA: CADANGAN MEMBINA 17 UNIT BANGLO 1 TINGKAT DI ATAS LOT 4337, JALAN PIPIT, MUKIM TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.	Sebahagian rumah berkembar telah dibina 35% siap dan terbiar. TIADA AKTIVITI DI TAPAK	17
10	RHID DEVELOPMENT SDN. BHD.	TAMAN BENTARA: CADANGAN MEMBINA 24 UNIT RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT D ATAS LOT 3055, JALAN PUYUH, TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.	Sebahagian rumah sesebuah telah dibina 80% siap dan terbiar. TIADA AKTIVITI DI TAPAK	24
11	RHID DEVELOPMENT SDN. BHD.	TAMAN BENTARA: CADANGAN MEMBINA 4 UNIT RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT & 28 UNIT RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT DI ATAS LOT 4305, JALAN MERBUK, TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.	Sebahagian rumah berkembar telah dibina 80% siap dan terbiar. TIADA AKTIVITI DI TAPAK	32
12	RHID DEVELOPMENT SDN. BHD.	TAMAN BENTARA: CADANGAN MEMBINA 2 UNIT RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT & 32 UNIT RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT DI ATAS LOT 4303, JALAN MERBUK, TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.	Sebahagian rumah berkembar telah dibina 40% siap dan terbiar. TIADA AKTIVITI DI TAPAK	
13	RHID DEVELOPMENT SDN. BHD.	TAMAN BENTARA: CADANGAN MEMBINA 28 UNIT RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT DI ATAS LOT 4280, JALAN MERBUK, TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.	Sebahagian rumah berkembar telah dibina 40% siap dan terbiar. TIADA AKTIVITI DI TAPAK	28

BIL	PEMAJU ASAL	PROJEK	STATUS TAPAK	BILANGAN RUMAH
14	DELIMA IMPIAN DEVELOPMENT SDN BHD	TAMAN BENTARA: CADANGAN MEMBINA 1 UNIT RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT DAN 26 UNIT RUMAH BERKEMBAR 1½ TINGKAT DI ATAS LOT 3741, JALAN MURAI, MUKIM TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.	Rumah dibina 86% siap dan terbiar. Infra belum siap dibina. TIADA AKTIVITI DI TAPAK	27
15	ERA PERMAI SDN BHD	KAMPUNG TONGKAH: CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN 109 UNIT RUMAH DAN 11 UNIT KEDAI DI ATAS LOT 80, 81, 82 & 83, JALAN BANTING MORIB, MUKIM MORIB, KUALA LANGAT.	Unit rumah teres telah dibina 35% siap dan terbiar. TIADA AKTIVITI DI TAPAK	109
16	DAHRIA CORPORATION SDN. BHD.	TAMAN LANGAT UTAMA 3: CADANGAN PERUMAHAN DI ATAS LOT 7705, , MUKIM TANJUNG DUA BELAS, KUALA LANGAT.	4 unit rumah telah dibina (3 terbiar dan 1 unit diduduki tanpa CCC). Infra telah siap dibina. Tapak dibiarkan semak.	4
17	DAHRIA CORPORATION SDN. BHD.	TAMAN LANGAT UTAMA 3: CADANGAN MEMBINA 30 UNIT RUMAH SESEBUAH SATU TINGKAT DI ATAS LOT 7696, MUKIM TANJUNG DUA BELAS, KUALA LANGAT.	10 unit rumah sahaja dibina 80% siap, terhenti dan terbiar.	10
18	VISI NUSA CORPORATION SDN BHD.	TAMAN CHANGGANG 3: CADANGAN MEMBINA 25 UNIT RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT DI ATAS LOT 2092, MUKIM TANJUNG DUA BELAS, KUALA LANGAT.	3 unit rumah siap dan telah diduduki tanpa CCC. 5 unit telah 100% siap, 14 unit 98% siap, 3 unit 40% siap dan terbiar. Jalan & longkang dibina.	17

BIL	PEMAJU ASAL	PROJEK	STATUS TAPAK	BILANGAN RUMAH
20	DAHRIA CORPORATI ON SDN. BHD.	TAMAN SERI CHANGGANG 1: CADANGAN PERUMAHAN DI ATAS LOT 3543 , MUKIM TANJUNG DUA BELAS, KUALA LANGAT.	5 unit rumah dibina dan terbiar, 3 unit telah diduduki tanpa CCC. Infra telah siap dibina.	5
21	DAHRIA CORPORATI ON SDN. BHD.	TAMAN SERI CHANGGANG 1: CADANGAN MEMBINA 49 UNIT RUMAH BANGLO DI ATAS LOT 8541 , MUKIM TANJUNG DUA BELAS, KUALA LANGAT.	2 unit telah diduduki tanpa CCC, 7 unit dibina 70% siap dan terbiar. Infra belum siap dibina.	7
JUMLAH				471

a) Jumlah rumah telah mula dibina dan terbiar terbengkalai = 471 unit

b) Usaha ke arah penyelesaian antaranya:

1. Mengadakan mesyuarat antara Pemaju dan Arkitek (jika masih ada) untuk membincangkan kaedah penyelesaian.
2. Mengemukakan ke Jabatan Perumahan Negara bagi tindakan selanjutnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : STATISTIK PENAGIHAN DADAH DI SELANGOR

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah statistik terkini tentang penagihan dadah di Selangor? Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menangani masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Seperti di Lampiran
- Statistik Umur Orang Kena Pengawasan (OKP – Penagih berdaftar dengan AADK) di seluruh Negeri Selangor.
 - Statistik Bangsa Orang Kena Pengawasan (OKP – Penagih berdaftar dengan AADK) di seluruh Negeri Selangor.
 - Statistik Bangsa Orang Kena Pengawasan (OKP – Penagih berdaftar dengan AADK) mengikut negeri.

Kerajaan telah melaksanakan program-program Pendidikan Pencegahan Dadah secara umum, selektif dan berfokus berdasarkan penilaian risiko kepada kumpulan sasaran berikut :

- i. Komuniti
- ii. Tempat Kerja
- iii. Pelajar Sekolah Rendah
- iv. Pelajar Sekolah Menengah
- v. Pelajar IPT
- vi. Keluarga
- vii. Kumpulan Belia

Cadangan menangani masalah penagihan melalui :

- i – Program Gems – Pemberdayaan golongan berisiko (berfokus) dan ahli keluarga menagih (selektif) melalui penyediaan akses pendidikan dan memperkukuhkan ekonomi.

- ii – Memperkasakan NGO – Mentauliahkan sukarelawan untuk melaksanakan program pendidikan pencegahan dadah melalui kursus TOT yang dibiayai oleh Pejabat Kerajaan Negeri.
- iii – Memperkasakan Program dan Fasiliti AADK – Bantuan ‘Strip test’ untuk ujian urin
- iv - Menaiktaraf Pusat Khidmat / PIK AADK.

**STATISTIK UMUR OKP MENGIKUT DAERAH
BAGI TEMPOH 31 / 07/ 2015 - 31/ 07/2018**

BIL	NEGERI	UMUR								JUMLAH
		< 13	13-15	16-19	20-24	25-29	30-34	35-39	>40	
1	GOMBAK	4	2	30	83	78	91	92	173	553
2	HULU LANGAT	4	2	52	165	168	203	166	277	1037
3	HULU SELANGOR	1	0	13	46	56	54	46	72	288
4	KLANG	3	2	30	137	152	188	162	239	913
5	KUALA LANGAT	1	1	23	71	86	83	58	112	435
6	KUALA SELANGOR	0	1	20	48	47	48	37	62	263
7	PETALING	9	5	89	307	289	339	305	386	1729
8	SABAK BERNAM	0	0	11	57	56	59	68	109	360
9	SEPANG	4	1	20	78	58	56	35	79	331
10	AMPANG	3	1	37	157	141	161	121	271	892
JUMLAH BESAR		29	15	325	1149	1131	1282	1090	1780	6801

* OKP : Orang kena Pengawasan , individu yang telah diperintahkan oleh mahkamah untuk menjalani rawatan dan pemulihan serta diletakkan di bawah pengawasan seorang pegawai ditempat yang ditetapkan dalam perintah selama tempoh tidak kurang daripada dua dan tidak melebihi tiga tahun.

* Data diperolehi melalui Sistem MYAADK dan tarikh capaian 20/8/2017 jam 9.36 am

**STATISTIK BANGSA OKP MENGIKUT DAERAH
BAGI TEMPOH 31 / 07/ 2015 - 31/ 07/2018**

BIL	NEGERI	KAUM					JUMLAH
		MELAYU	CINA	INDIA	SABAH/ SARAWAK	LAIN - LAIN	
1	GOMBAK	405	46	98	3	1	553
2	HULU LANGAT	820	80	129	5	3	1037
3	HULU SELANGOR	247	9	29	3	0	288
4	KLANG	699	83	130	1	0	913
5	KUALA LANGAT	358	37	36	2	2	435
6	KUALA SELANGOR	226	13	22	1	1	263
7	PETALING	1316	147	257	8	1	1729
8	SABAK BERNAM	319	27	13	1	0	360
9	SEPANG	290	17	23	1	0	331
10	AMPANG	726	88	71	5	2	892
JUMLAH BESAR		5406	547	808	30	10	6801

* OKP : Orang kena Pengawasan , individu yang telah diperintahkan oleh mahkamah untuk menjalani rawatan dan pemulihan serta diletakkan di bawah pengawasan seorang pegawai ditempatkan yang ditetapkan dalam perintah selama tempoh tidak kurang daripada dua dan tidak melebihi tiga tahun.

* Data diperolehi melalui Sistem MYAADK dan tarikh capaian 20/8/2017 jam 9.36 am

**STATISTIK BANGSA OKP MENGIKUT NEGERI
BAGI TEMPOH 31 / 07/ 2015 - 31/ 07/2018**

BIL	NEGERI	KAUM					JUMLAH
		MELAYU	CINA	INDIA	SABAH/ SARAWAK	LAIN - LAIN	
1	JOHOR	5410	627	438	6	1	6482
2	KEDAH	7058	190	281	29	1	7559
3	KELANTAN	7935	79	5	7	0	8026
4	MELAKA	1631	73	123	1	1	1829
5	NEGERI SEMBILAN	2341	172	210	1	4	2728
6	PAHANG	4700	280	124	5	5	5114
7	PULAU PINANG	6113	1360	1530	1	1	9005
8	PERAK	3907	432	528	12	2	4881
9	PERLIS	1547	26	7	22	0	1602
10	SELANGOR	5406	547	808	30	10	6801
11	TERENGGANU	4821	13	3	2	2	4841
12	SABAH	150	80	2	3	33	268
13	SARAWAK	722	189	2	1	0	914
14	WILAYAH PERSEKUTUAN	2188	456	453	14	5	3116
15	PUTRAJAYA	83	0	0	1	0	84
16	WP.LABUAN	59	8	1	1	13	82
JUMLAH BESAR		54071	4532	4515	136	78	63332

* OKP : Orang kena Pengawasan , individu yang telah diperintahkan oleh mahkamah untuk menjalani rawatan dan pemulihan serta diletakkan di bawah pengawasan seorang pegawai ditempatkan yang ditetapkan dalam perintah selama tempoh tidak kurang daripada dua dan tidak melebihi tiga tahun.

* Data diperolehi melalui Sistem MYAADK dan tarikh capaian 20/8/2018 jam 9.36 am

STATISTIK PENAGIH AADK NEGERI SELANGOR
JANUARI HINGGA JULAI

KATEGORI	BARU				BERULANG			
	2015	2016	2017	2018	2015	2016	2017	2018
SABAK BERNAM	4	35	68	54	1	5	10	16
HULU SELANGOR	5	8	72	52	2	6	17	15
KUALA SELANGOR	3	19	46	65	1	0	10	16
HULU LANGAT	38	128	184	135	16	36	60	40
KUALA LANGAT	14	62	74	73	10	8	13	8
GOMBAK	6	16	89	115	18	9	33	25
AMPANG	19	101	143	133	15	35	45	31
PETALING	170	229	287	294	57	42	61	30
KLANG	58	132	172	208	21	29	53	27
SEPANG	28	56	46	42	17	11	8	6
JUMLAH	345	786	1181	1171	158	181	310	214

STATISTIK PENAGIH AADK NEGERI SELANGOR
JANUARI HINGGA JULAI

KATEGORI	LELAKI				PEREMPUAN			
	2015	2016	2017	2018	2015	2016	2017	2018
SABAK BERNAM	4	36	76	69	1	4	2	1
HULU SELANGOR	7	13	87	64	0	1	2	3
KUALA SELANGOR	4	18	55	79	0	1	1	2
HULU LANGAT	53	158	227	169	1	6	17	6
KUALA LANGAT	24	68	84	78	0	2	3	3
GOMBAK	24	23	114	133	0	2	8	7
AMPANG	31	122	170	148	3	14	18	16
PETALING	216	264	329	305	11	7	19	19
KLANG	78	157	214	217	1	4	11	18
SEPANG	42	65	54	46	3	2	0	2
JUMLAH	483	924	1410	1308	20	43	81	77

STATISTIK PENAGIH AADK NEGERI SELANGOR
JANUARI HINGGA JULAI

KATEGORI	MELAYU				CINA				INDIA				LAIN - LAIN			
	2015	2016	2017	2018	2015	2016	2017	2018	2015	2016	2017	2018	2015	2016	2017	2018
SABAK BERNAM	3	35	70	58	1	2	8	9	1	3	0	3	0	0	0	0
HULU SELANGOR	7	12	76	53	0	2	4	3	0	0	8	10	0	0	1	1
KUALA SELANGOR	2	14	44	74	1	2	4	3	1	2	7	4	0	1	1	0
HULU LANGAT	42	132	198	137	6	10	15	18	6	21	29	18	1	1	2	2
KUALA LANGAT	22	57	74	66	2	7	5	5	0	6	6	10	0	0	2	0
GOMBAK	18	13	81	115	2	2	10	9	3	9	29	15	1	1	2	1
AMPANG	27	114	150	132	4	10	22	10	2	10	14	15	1	2	2	7
PETALING	164	193	267	250	27	30	29	25	32	43	45	42	4	5	7	7
KLANG	55	134	197	163	8	12	7	32	13	15	19	35	3	0	2	5
SEPANG	37	56	46	44	3	5	2	2	5	6	5	1	3	0	1	1
JUMLAH	377	760	1203	1092	54	82	106	116	63	115	162	153	13	10	20	24

STATISTIK PENAGIH AADK NEGERI SELANGOR
JANUARI HINGGA JULAI

KATEGORI	METHAMPHETAMINE				OPIAT				THC				LAIN - LAIN			
	2015	2016	2017	2018	2015	2016	2017	2018	2015	2016	2017	2018	2015	2016	2017	2018
SABAK BERNAM	1	12	24	22	4	22	38	41	0	6	15	6	0	0	1	1
HULU SELANGOR	1	5	36	15	5	6	41	31	1	3	12	21	0	0	0	0
KUALA SELANGOR	0	6	16	12	4	10	36	57	0	3	4	11	0	0	0	1
HULU LANGAT	35	80	142	80	14	61	59	54	5	21	41	38	0	2	2	3
KUALA LANGAT	4	19	21	22	18	45	46	39	2	5	19	20	0	1	1	0
GOMBAK	13	12	65	73	8	7	31	45	3	6	23	21	0	0	3	1
AMPANG	20	79	92	72	10	33	62	52	4	21	31	36	0	3	3	4
PETALING	115	121	130	171	72	87	121	81	36	57	91	69	4	6	6	3
KLANG	41	81	93	112	25	45	76	86	13	32	53	35	0	3	3	2
SEPANG	19	22	21	15	9	18	16	11	16	25	16	21	1	2	1	1
JUMLAH	249	437	640	594	169	334	526	497	80	179	305	278	5	17	20	16

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT 2010

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senarai Pegawai Maklumat bagi setiap jabatan Kerajaan Negeri Selangor.
- b) Senarai maklumat hubung (termasuk alamat e-mail, nombor telefon dan sebagainya) bagi Pegawai Maklumat di setiap jabatan Kerajaan Negeri Selangor yang telah disenaraikan sebagai jawapan bagi soalan a).

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : ANCAMAN DENGGI DI SELANGOR

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan punca-punca kes wabak denggi di Selangor mengikut peratusan dan kawasan DUN.
- b) Jumlah kes dan status terkini isu denggi di Selangor sejak 5 tahun lepas mengikut kawasan DUN.
- c) Senaraikan setiap jumlah peruntukkan yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam program membasmi wabak Denggi.

JAWAPAN:

Laporan Situasi Denggi di Negeri Selangor secara kumulatif sehingga 25 Ogos 2018 telah merekodkan sebanyak 27,453 kes, berbanding 35,343 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2017. Jumlah kes denggi bagi tahun 2018 menunjukkan pengurangan sebanyak 31% berbanding tahun 2017.

Kumulatif kes kematian pula mencatatkan sebanyak 21 kes sehingga 25 Ogos 2018 berbanding 55 kes kematian pada tahun 2017, iaitu pengurangan sebanyak 62%. Jadual di bawah menunjukkan perbandingan kes denggi dan kematian bagi tahun 2018 dan 2017 mengikut daerah :

DAERAH	KUMULATIF KES		KUMULATIF KEMATIAN	
	2018	2017	2018	2017
Petaling	9,246	10,723	8	12
Klang	7,181	5,843	2	5
Hulu Langat	4,621	11,051	4	26
Gombak	3,397	4,169	0	7
Sepang	790	1,540	3	1
Kuala Langat	874	942	1	1
Hulu Selangor	815	548	1	2
Kuala Selangor	419	388	2	1
Sabak Bernam	110	139	0	0
JUMLAH	27,453	35,343	21	55

YB Bandar Utama bertanyakan jumlah kes denggi sejak 5 tahun lepas mengikut DUN. **Lampiran 1** menunjukkan maklumat jumlah kes denggi dan kes kematian daripada tahun 2014 sehingga tahun 2018 mengikut daerah. Walaubagaimanapun, maklumat kes denggi bagi kawasan DUN masing-masing boleh merujuk kepada **Mesyuarat Tindakan Denggi Daerah** yang diadakan pada setiap minggu.

YB Hulu Bernam bertanyakan kadar penurunan kes denggi berbanding negeri lain. Berikut adalah kadar penurunan atau peningkatan kes denggi mengikut negeri bagi tempoh yang sama sehingga 7 Julai 2018:

NEGERI	TAHUN 2017	TAHUN 2018	PENURUNAN / PENINGKATAN
	KUMULATIF	KUMULATIF	
KELANTAN	1,695	485	-71.40%
NEGERI SEMBILAN	2,226	681	-69.40%
MELAKA	838	287	-65.80%
PERAK	4,156	1,625	-60.90%
SARAWAK	648	271	-58.20%

NEGERI	TAHUN 2017	TAHUN 2018	PENURUNAN / PENINGKATAN
	KUMULATIF	KUMULATIF	
PAHANG	1,010	452	-55.20%
WPKL/ PUTRAJAYA	5,284	2,986	-43.50%
TERENGGANU	167	109	-34.70%
SELANGOR	28,201	19,357	-31.40%
JOHOR	4,117	2,869	-30.30%
KEDAH	915	1,010	10.40%
PERLIS	116	141	21.60%
SABAH	1,032	1,697	64.40%
PULAU PINANG	1,263	2,299	82.00%
LABUAN	26	50	92.30%
MALAYSIA	51,694	34,319	-33.60%

YB Sijangkang pula bertanyakan jumlah kes demam denggi yang telah dikesan melalui klinik-klinik panel Skim Peduli Sihat. Sehingga 27 Ogos 2018, sebanyak 238 kes denggi telah dikenal pasti melalui klinik panel Skim Peduli Sihat.

YB Bandar Utama juga bertanyakan peratusan punca-punca kes denggi yang direkodkan. Merujuk kepada Laporan yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Malaysia, kadar peratusan aedes positif yang dijumpai mengikut jenis premis adalah seperti berikut :

JENIS PREMIS	BIL. PREMIS DIPERIKSA	BIL. PREMIS POSITIF	% POSITIF
Taman Mainan / Rekreasi	3,869	776	20.10%
Tanah / Lot Kosong	86,796	16,354	18.80%
Tanah Perkuburan	692	64	9.20%
Tempat Pembuangan Sampah	14,362	1,298	9.00%
Kilang/Gudang	9,388	826	8.80%
Tempat Ibadat	5,086	407	8.00%
Tumpuan Awam	31,498	2,466	7.80%
Projek Rumah Terbengkalai	566	37	6.50%
Pejabat Kerajaan	3,319	166	5.00%
Sekolah (Termasuk asrama)	17,773	778	4.40%
Kemudahan Kesihatan	1,586	49	3.10%
Kompleks Perniagaan	5,222	153	2.90%
Tapak Binaan	27,577	746	2.70%
Rumah Kediaman	1,955,276	42,930	2.20%

PERUNTUKAN

Pada tahun 2018, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM5 juta** untuk menampung perbelanjaan aktiviti kawalan dan pencegahan denggi. Hanya negeri Selangor sahaja yang memperuntukkan sejumlah wang yang besar untuk menangani denggi berbanding negeri lain di Malaysia. Sebahagian besar peruntukan ini adalah bagi melantik ***Pest Controller Operator (PCO)*** bagi membantu kawalan di peringkat PBT iaitu sebanyak **RM1.89 juta**. Selain itu,

RM1.2juta disalurkan kepada **Pihak Berkuasa Tempatan** bagi pembelian **racun serta peralatan dan keperluan** dalam melaksanakan aktiviti kawalan dan pencegahan. **Mesyuarat Tindakan Denggi Peringkat Daerah** yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah pula telah diperuntukan sebanyak **RM350,000.00** mengikut daerah bagi menangani isu berbangkit berkaitan yang boleh menyebabkan pembiakan denggi.

Bermula pada tahun ini, sebanyak **RM1.248 juta** peruntukan telah disalurkan kepada **Ahli Majlis** melalui PBT bagi bersama-sama melaksanakan aktiviti pencegahan di kawasan masing-masing dengan melibatkan masyarakat setempat. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga telah bersetuju untuk mengkhususkan sebanyak **RM10,000** daripada peruntukan **Khidmat Masyarakat DUN** digunakan bagi melaksanakan program gotong-royong untuk turut membantu aktiviti pencegahan denggi.

Menjawab persoalan dari **YB Semenyih**, jadual berikut menunjukkan jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri daripada tahun 2016 sehingga tahun 2018 bagi aktiviti kawalan dan pencegahan denggi.

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)
2016	1,500,000.00
2017	5,000,000.00
2018	5,000,000.00

Kes demam Denggi Negeri Selangor dipantau secara konsisten melalui 2 Mesyuarat Tindakan Denggi iaitu:

- 1. Mesyuarat Tindakan Denggi Negeri Selangor** yang diadakan setiap 2 minggu bagi membincangkan dan merangka dasar serta melaksanakan program-program kawalan dan pencegahan denggi. Mesyuarat ini dihadiri oleh wakil Jabatan di peringkat Negeri; dan

2. **Mesyuarat Tindakan Denggi Daerah** yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah atau wakilnya diadakan setiap minggu bagi membincangkan permasalahan di lokaiti wabak terutama hotspot . Mesyuarat ini akan memutuskan tindakan serta merta di peringkat daerah bagi permasalahan denggi. Mesyuarat ini dihadiri wakil Jabatan di peringkat daerah termasuk Ahli Dewan Negeri, Ahli Majlis dan pihak terlibat langsung dengan isu dibincangkan.

Dalam masa yang sama, selain usaha sedia ada yang sedang dilaksanakan, terdapat pelbagai usaha baru yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun ini termasuklah :

- a) Pelantikan semua **Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan** menjadi **Pengerusi Denggi Mengikut zon** dengan peruntukan khas yang telah disalurkan kepada setiap Ahli Majlis bagi membantu mengurangkan penularan kawasan wabak di kawasan masing-masing. Setiap Ahli Majlis perlu mewujudkan Pasukan Denggi di sesuatu lokaliti hotspot seperti COMBI bagi menanamkan rasa kebertanggungjawaban mencegah denggi perlu dilakukan bersama-sama.
- b) Pelaksanaan **OPS Bersepadu Denggi Peringkat Daerah** di mana PBT lain dimobilisasikan ke daerah yang mencatatkan bilangan kes yang tinggi pada sesuatu masa.
- c) Setiap PBT diminta mengadakan **Taklimat kepada kontraktor pembersihan** terutama kontraktor di bawah lantikan PBT bagi memastikan kerja-kerja yang pembersihan meliputi penghapusan tempat pembiakan aedes.
- d) Program **Nyamuk Wolbachia oleh Institute of Medical Research (IMR)** telah dilaksanakan bermula Mac dan Mei 2017 di AU2, Taman Keramat dan Blok D, Seksyen 7, Shah Alam. Program ini di luaskan kepada lokaliti hotspot yang lain di daerah Petaling iaitu di Seksyen 7 Pusat Komerisal, Shah Alam dan Mentari Court, Petaling Jaya.
- e) Pelaksanaan **Pendekatan Ekosistem Kawalan dan Pencegahan Denggi**. Pendekatan Ekosistem telah dilaksanakan di beberapa daerah yang mencatatkan kes demam denggi yang tinggi.
- f) Menggalakkan **penglibatan semua rumah ibadat Islam dan selain Islam** untuk mengadakan gotong-royong di kawasan masing-masing bagi menjaga dan memastikan premis adalah bebas aedes.

Halangan utama dalam membanteras kes denggi di Selangor adalah sikap masyarakat itu sendiri. Sikap tidak bertanggungjawab masyarakat dalam memainkan peranan membantutkan segala usaha yang telah dilakukan di peringkat negeri. Masyarakat sepatutnya perlu memastikan keadaan rumah ataupun kawasan sekeliling sentiasa bersih dan bebas dari menjadi kawasan pembiakan aedes. Usaha yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan tidak akan berjaya sekiranya tidak mendapat kerjasama dari pihak masyarakat. Permasalahan masih berlaku secara berulang walaupun tindakan telah diambil oleh pihak berkuasa. Lanjutan itu, kempen bersama masyarakat sentiasa digiatkan bagi meningkatkan tahap kesedaran dalam bersama-sama menangani kes demam denggi.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES DENGGI DAN KEMATIAN BAGI TAHUN 2014 SEHINGGA 20 OGOS 2018 (MINGGU EPID 34/2018)
MENGIKUT DAERAH DI SELANGOR**

DAERAH	KES DAFTAR DAN KEMATIAN DENGGI									
	2014		2015		2016		2017		2018 (sehingga 25 Ogos 2018)	
	DAFTAR	MATI	DAFTAR	MATI	DAFTAR	MATI	DAFTAR	MATI	DAFTAR	MATI
GOMBAK	7,266	17	7,915	23	5,834	8	5,727	10	3,397	0
HULU LANGAT	11,748	18	14,919	32	11,830	24	13,243	29	4,621	4
HULU SELANGOR	1,301	2	1,204	2	1,050	4	865	3	815	1
KLANG	7,443	15	8,404	16	7,623	10	7,913	7	7,181	2
KUALA LANGAT	861	0	1,294	4	1,422	1	1,328	2	874	1
KUALA SELANGOR	799	2	905	3	596	2	551	2	419	2
PETALING	24,094	21	25,477	39	21,069	27	13,658	13	9,246	8
SABAK BERNAM	250	0	323	0	242	0	198	0	110	0
SEPANG	527	2	2,757	8	1,986	2	1,807	1	790	3
TOTAL	54,289	77	63,198	127	51,652	78	45,290	67	27,453	21

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : PERUNTUKKAN MARRIS

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peruntukkan MARRIS yang telah dikumpulkan setakat ini dan berapakah peruntukkan yang telah digunakan, serta agihkan peruntukkan untuk setiap DUN?
- b) Apakah langkah-langkah bagi memastikan kerja MARRIS mematuhi piawaian dan aspek teknikal?
- c) Bagi kerja MARRIS yang tidak memuaskan, apakah tindakan yang boleh diambil, terutamanya apabila aduan diterima dalam tempoh yang lama selepas siap kerja?

JAWAPAN:

- a) Sebagai makluman, kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) Negeri Selangor setakat 31 Julai 2018 adalah seperti jadual berikut :

JADUAL 1

Perkara	(RM)
Baki pada 1 Januari 2018	135,563,042.15
Terimaan dari Kerajaan Persekutuan (Januari hingga Julai)	305,378,790.35
Jumlah (RM)	440,941,832.50
(-) Agihan kepada agensi pelaksana	340,567,802.26
Baki akhir setakat 31 Julai 2018	100,374,030.24

Jadual 1: Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) Negeri Selangor setakat 31 Julai 2018

Kerajaan Negeri telah menetapkan sejumlah **RM168 juta (RM3 juta / DUN)** sebagai Siling Peruntukan mengikut kawasan Dewan Negeri melalui dua belas (12) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor. Setakat 31 Julai 2018, kira-kira **42%** atau sejumlah **RM 70,544,920.16** peruntukan mengikut kawasan Dewan Negeri telah diagihkan kepada PBT.

b) Perbendaharaan Negeri menerusi Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah MARRIS telah menetapkan bahawa semua kerja penyenggaraan jalan menggunakan wang MARRIS hendaklah mematuhi Garis Panduan Turapan Jalan dan Spesifikasi Teknikal yang dikeluarkan oleh pihak JKR selaku jabatan teknik. Terdapat beberapa pemeriksaan dan ujian yang perlu diperiksa oleh agensi pelaksana sebelum pembayaran kepada pihak kontraktor boleh diluluskan. Pemeriksaan dan ujian tersebut adalah seperti berikut :

- i. Pemeriksaan dan pengesahan pegawai teknikal bahawa kerja di tapak telah dibuat mengikut kuantiti dan spesifikasi kerja yang ditetapkan dalam *Bill Of Quantity* (BQ);
- ii. *Coring Test* bagi mengukur ketebalan *premix* yang dilaksana oleh pihak kontraktor adalah melepasi ketebalan minimum iaitu 50mm seperti standard JKR;
- iii. *Bitumen Content Test* bagi mengukur kandungan bitumen dalam *wearing course premix* yang disediakan oleh pihak kuari agar mematuhi standard dan piawaian kualiti semasa;

Semua agensi pelaksana adalah tertakluk kepada pengauditan dan naziran oleh pihak Perbendaharaan Negeri, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Audit Negara dalam mematuhi perkara ini.

c) Sekiranya kerja-kerja turapan jalan di bawah peruntukan MARRIS didapati tidak memuaskan, agensi pelaksana adalah bertanggungjawab untuk mengarahkan kontraktor menyempurnakan spesifikasi kerja mengikut kontrak yang telah dipersetujui. Dalam hal ini, pemotongan bayaran boleh dibuat mengikut penilaian kerja sebenar yang telah dilaksanakan. Dalam kes aduan diterima selepas kerja telah lama disiapkan, arahan masih boleh dikeluarkan kepada pihak kontraktor sebagai Notis Membaiki Kecacatan dengan syarat masih di dalam tempoh *Defect Liability Period* (DLP). Semua projek Kerajaan Negeri bernilai sebut harga perlu memasukkan tempoh *Defect Liability Period* (DLP) selama enam (6) bulan, manakala projek bernilai tender selama satu (1) tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS DI BANDAR UTAMA

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukkan MARRIS untuk DUN Bandar Utama?
- b) Senaraikan jalan-jalan bawah DUN Bandar Utama yang sudah diselenggarakan dan belum diselenggarakan setakat ini.

JAWAPAN:

- a) Peruntukan MARRIS untuk DUN Bandar Utama pada tahun 2018 adalah sebanyak 5 juta.
- b) Sila rujuk Lampiran 1

SENARAI JALAN YANG TELAH DISELENGGARA DARIPADA TAHUN 2014 -2018

ZON	KAWASAN	TAHUN				
		2014	2015	2016	2017	2018
5	SS23	SS 23/10, SS 23/10A, SS 23/10B, SS 23/10C, SS 23/39, SS 23/37, SS 23/12A, SS 23/35, SS 23/33, SS 23/31, SS 23/29, SS 23/27, SS 23/25, SS 23/23 dan SS 23/21 SS 23/8, SS 24/1	SS 23/8, SS 23 dan SS 24/1			
	SS 24	SS 24/13, SS 24/14, SS 24/15, SS 24/16, SS 24/17 DAN SS 24/18			JALAN SS 24/1, JALAN SS 24/18, JALAN SS 24/19, JALAN SS 24/20, JALAN SS 24/21, JALAN SS 24/22, JALAN SS 24/23, JALAN SS 24/24, JALAN SS 24/25, JALAN SS 24/26	
	SS26			JALAN SS 26/2, JALAN SS 26/4, JALAN SS 26/6, JALAN SS 26/8, JALAN SS 26/7, JALAN SS 26/7A, JALAN SS 26/7B, JALAN SS 26/9, JALAN SS 26/9A, JALAN SS 26/9B, JALAN SS 26/10, JALAN SS 26/10A, JALAN SS 26/12 DAN JALAN SS 26/17	JALAN SS 26/1, JALAN SS 26/3, JALAN SS 26/3A, JALAN SS 26/3B, JALAN SS 26/3C, JALAN SS 26/5, JALAN SS 26/7, JALAN SS 26/7A, JALAN SS 26/7B, JALAN SS 26/11, JALAN SS 26/13, JALAN SS 26/14, JALAN SS 26/15, JALAN SS 26/16, JALAN SS 26/19, JALAN SS 26/21, JALAN SS 26/23, JALAN SS 26/25, JALAN SS 26/26	
6	SS21	SS 21/22, SS 21/7, SS 21/3, SS 21/6, SS 21/10, SS 21/13, SS 21/18, SS 21/19, SS 21/16, SS 21/11, SS 21/2 DAN SS 21/20	21/20, SS 21/15, SS 21/17, SS 21/17A, SS 21/19, SS 21/21, SS 21/24, SS 21/26, SS 21/28, SS 21/30, SS 21/32 DAN SS 21/34	JALAN SS 21/25, JALAN SS 21/31, JALAN SS 21/44, JALAN SS 21/46, JALAN SS 21/48, JALAN SS 21/48A, JALAN SS 21/50, JALAN SS 21/52, JALAN SS 21/54 DAN JALAN SS 21/56A		
	SS 22	SS 22/27, SS 22/27A, SS 22/29, SS 22/38, SS 22/36, SS 22/34, SS 22/32, SS 22/32A dan SS 22/31				JALAN SS 22/11, SS 22/37, SS 22/41, DAN SS 22/48
	SS 22A				JALAN SS 22A/1, JALAN SS 22A/2, JALAN SS 22A/3, JALAN SS 22A/4, JALAN SS 22A/5, JALAN SS 22A/6, DAN JALAN SS 22A/8	
7	PJU 1	PJU 1/3, PJU 1/3A, PJU 1/3B, PJU 1/3C, PJU 1/3D, PJU 1/3E, PJU 1/3F, PJU 1/3G dan PJU 1/43	PJU 1/4, 1/5, 1/6, 1/7, 1/8, 1/9, 1/10, 1/21, 1/23 dan 1/26	JALAN BUKIT MAYANG MAS, JALAN PJU 1/27, PJU 1/28, PJU 1/29, PJU 1/30, PJU 1/31, PJU 1/32, PJU 1/33, PJU 1/34, PJU 1/35, PJU 1/36, PJU 1/37, PJU 1/38		
	SS 4		SS 4B/1, SS 4B/1A, SS 4B/2, SS 4B/4, SS 4B/5, SS 4B/6, SS 4B/7, SS 4B/8, SS 4B/9, SS 4B/11, SS 4B/12, SS 4B/14, SS 4B/14A, SS 4B/14B, SS 4B/12A, SS 4B/16 DAN SS 4B/18SS 4D/1, SS 4D/3, SS 4D/4, SS 4D/5, SS 4D/6, SS 4D/7, SS 4D/8, SS 4D/9, SS 4D/10, SS 4D/12, SS 4D/14, SS 4D/16, SS 4D/18			
	SS 25			SS 25/23,	SS 25/26, SS 25/30, SS 25/32, SS 25/33, SS 25/37, SS 25/39, SS 25/39A	

SENARAI JALAN YANG TELAH DISELENGGARA DARIPADA TAHUN 2014 -2018

ZON	KAWASAN	TAHUN				
		2014	2015	2016	2017	2018
8	SS 2	SS 2/2, SS 2/96, SS 2/98, SS 2/100, SS 2/102, SS 2/104, SS 2/105, SS 2/106, SS 2/107, SS 2/109, SS 2/111 dan SS 2/113, SS 2/5, SS 2/6, SS 2/10, SS 2/46, SS 2/47 dan SS 2/52 SS 2/60, SS 2/61, SS 2/62, SS 2/63, SS 2/64, SS 2/65, SS 2/66, SS 2/67, SS 2/73 dan SS 2/75	SS 2/60, SS 2/61, SS 2/62, SS 2/63, SS 2/64, SS 2/65, SS 2/66, SS 2/67, SS 2/73 dan SS 2/75,	JALAN SS 2/24, JALAN SS 2/26 HINGGA JALAN 21/30, SS 2/31, JALAN SS 2/33, JALAN SS 2/35		JALAN SS 2/32, SS 2/34, SS 2/36, SS 2/37, SS 2/38, SS 2/39, SS 2/40, SS 2/41, SS 2/42, SS 2/43, SS 2/44, SS 2/54, SS 2/56, SS 2/57, SS 2/58, SS 2/59, SS 2/60, SS 2/61, SS 2/64, SS 2/67, DAN SS 2/75 JALAN SS 2/2, SS 2/74, SS 2/76, SS 2/77, SS 2/78, SS 2/79, SS 2/80, SS 2/81, SS 2/82, SS 2/83, SS 2/84, SS 2/85, SS 2/86, SS 2/87, SS 2/88, SS 2/89, SS 2/90, SS 2/91, SS 2/92, SS 2/93, SS 2/94, SS 2/95, SS 2/96, SS 2/97, SS 2/98, SS 2/99, SS 2/100, SS 2/101, SS 2/102, SS 2/103, SS 2/104, SS 2/105, SS 2/106, SS 2/107, SS 2/109, SS 2/111, DAN SS 2/113
9	SEK 17A				JALAN 17A/1, JALAN 17A/2, JALAN 17A/3, JALAN 17A/4, JALAN 17A/5, JALAN 17A/6, JALAN 17A/7, JALAN 17A/9, JALAN 17A/10, DAN JALAN 17A/12	
	SEK 19					
	SS 20	SS 20/10, 20/12, 20/13, 20/14, 20/15, 20/16, 20/17, 20/18, 20/19, 20/20, 20/22,				

SENARAI JALAN YANG BELUM DISELENGGARA

ZON 9

SEKSYEN 19

NO	Name Of Roads
1	JALAN 19/1
2	JALAN 19/1A
3	JALAN 19/1B
4	JALAN 19/2
5	JALAN 19/3
6	JALAN 19/4
7	JALAN 19/5
8	JALAN 19/6
9	JALAN 19/7
10	JALAN 19/8
11	JALAN 19/9
12	JALAN 19/10
13	JALAN 19/12
14	JALAN 19/13
15	JALAN 19/13A
16	JALAN 19/13B
17	JALAN 19/14
18	JALAN 19/15
20	JALAN 19/17
21	JALAN 19/19
22	LORONG 19/19A
23	JALAN 19/20
24	JALAN 19/21
25	JALAN 19/21A
26	JALAN 19/21B
27	JALAN 19/21C
28	JALAN 19/22
29	JALAN 19/24
30	JALAN 19/26
31	JALAN 19/27
32	JALAN 19/28
33	JALAN 19/29
34	JALAN 19/30
35	JALAN 19/32
36	JALAN 19/34
37	JALAN 19/36
38	JALAN 19/38
39	JALAN SEMANGAT
40	JALAN 19/40
41	JALAN 19/9

SS 20

NO	Name Of Roads
1	JLN SS 20/1
2	JLN SS 20/2
3	JLN SS 20/3
4	JLN SS 20/4
5	JLN SS 20/5
6	JLN SS 20/6
7	JLN SS 20/7
8	JLN SS 20/8
9	JLN SS 20/9
10	JLN SS 20/23
11	JLN SS 20/24
12	JLN SS 20/25
13	JLN SS 20/26
14	JLN SS 20/27

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : PROGRAM PENJAGAAN ALAM SEKITAR

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selain daripada Geran Kecil Alam Sekitar dan Teknologi Hijau, apakah program-program lain yang akan dianjurkan oleh Kerajaan Negeri bagi menerap budaya hijau di kalangan-kalangan penduduk dan warga Selangor?
- b) Senaraikan jumlah peruntukkan yang telah dikeluarkan bagi projek Geran Kecil Alam Sekitar dan Teknologi Hijau.
- c) Senaraikan jenis-jenis projek yang telah dijalankan dibawah Geran Kecil Alam Sekitar dan Teknologi Hijau dan jumlahnya.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam melaksanakan program-program bagi menerapkan budaya hijau di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah Tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan telah melaksanakan pelbagai program dan projek yang memberikan impak yang positif di kalangan penduduk dan warga Negeri Selangor. Diantara program dan projek yang telah dijalankan pada tahun 2018 adalah seperti di Lampiran A.
- b) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri MMKN Ke 1 / 2018 yang bersidang pada 3 Januari 2018 dan telah meluluskan cadangan Geran Kecil Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Selangor Tahun 2018.

Jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan bagi projek Geran Kecil Alam Sekitar dan Teknologi Hijau adalah seperti berikut: -

PERKARA	BILANGAN PROGRAM/ PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
Geran Kecil Alam Sekitar	52	244,357.00
Geran Kecil Teknologi Hijau	46	420,726.80

c) Senarai jenis-jenis projek yang telah dijalankan di bawah Geran Kecil Alam Sekitar dan Teknologi Hijau adalah seperti berikut:-

BIL.	KLASIFIKASI PROGRAM / PROJEK	AMAUN (RM)
1	Penanaman Pokok	40,000.00
2	Kitar Semula	73,392.00
3	Pemuliharaan Sungai dan Pantai	15,965.00
4	Kesedaran Alam Sekitar	105,000.00
5	Hidupan Liar	-
6	E-Waste	10,000.00
JUMLAH		244,357.00

Seterusnya, senarai jenis-jenis projek yang telah dijalankan di bawah Geran Kecil Teknologi Hijau adalah seperti berikut:-

BIL.	KLASIFIKASI PROGRAM / PROJEK	AMAUN (RM)
1	Low Carbon City Framework (LCCF)	-
2	Pemasangan Produk Teknologi Hijau	206,640.80
3	Pembangunan Kejiranan Hijau	55,000.00
4	Bangunan Cepak Tenaga	10,000.00
5	Program Kesedaran Amalan Teknologi Hijau	149,086.00
JUMLAH		420,726.80

LAMPIRAN A

BIL.	AGENSI	PROGRAM / PROJEK
1	PDT GOMBAK	Projek Pemasangan Lampu Suria Di Sekitar Bangunan Sultan Sulaiman Dan Kuarters Pegawai Daerah Dan Tanah Gombak
		Pertandingan Kebun Komuniti Terbaik Antara Kampung Daerah Gombak
2	PDT HULU LANGAT	Lampu Solar/ Led
3	PDT HULU SELANGOR	Pemasangan Lampu Solar Di Balai Penghulu
4	PDT SABAK BERNAM	Program Sistem Penuaian Air Hujan
		Program Sistem Penuaian Air Hujan
4	MBPJ	Pameran Stanco Teknologi Hijau Untuk Smart PJ Eco Recycling Plaza Bagi Tempoh 2 Tahun
5	MPSJ	Bengkel Bangunan Hijau
		Bengkel Pembangunan Semula (<i>Refurbished Retrofit</i>)

BIL.	AGENSI	PROGRAM / PROJEK
6	MPKj	Bengkel Penyediaan Laporan Low Carbon City Framework (LCCF) Majlis Perbandaran Kajang
		Projek Kebun Komuniti Di Tiga (3) Lokasi Kawasan Lapang Dalam Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ)
		Program Car Free Dan Cycling Bandar Baru Bangi
7	MPS	Pemasangan Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH)
		Kebun Komuniti
		Pagi Tanpa Kenderaan
		Program Kebun Komuniti Hijau (Kempen Tanam Pokok)
8	MPK	Bengkel Komuniti Babas Karbon: Klang Ke Arah Bandar Rendah Karbon Menjelang 2027
		Simposium Perkongsian Pintar LCC Di Antara PBT Di Negeri Selangor
		Pertandingan Pangsapuri Ku Bebas Karbon

BIL.	AGENSI	PROGRAM / PROJEK
9	MPAJ	Pemasangan Lampu Solar Bagi Penjaja Pasar Malam
		Pemasangan Lampu Solar/ Led Di Hentian Bas (Bustop)
		Pemasangan Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPAH) Di Menara Mpaj
		Bengkel Penyediaan Laporan LCCF Ampang Jaya/ Pandan Indah
		Bengkel Pelaksanaan Pelan Tindakan Ampang Jaya Bandar Rendah Karbon 2030
		Pertandingan Bandar Rendah Karbon/ Alam Sekitar Mampan 2030
		<i>Training for Trainers</i> untuk <i>Green Ambassador</i> MPAJ
10	MPSP	Latihan/ Training Kecekapan Penggunaan Tenaga Pegawai/ Kakitangan Dalaman Serta Agensi Teknikal Luaran
		Pertandingan/ Cabaran Penjimatan Tenaga Elektrik Dan Air Peringkat/ Kategori Kediaman Di Bawah Program SLCC Peringkat Mpsp (Julai-November 2018)

BIL.	AGENSI	PROGRAM / PROJEK
11	MDKS	Kebun Komuniti Saujana Utama 3
		Pembinaan Laluan Basikal Di Bandar Kuala Selangor
12	MDHS	Program Indah Persekitaran
		Membangunkan Kebun Komuniti Berpusat
		Hari Bebas Kenderaan
13	MDKL	Bengkel Pemahaman Pelaksanaan LCCF Bersama Stakeholder

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : KESESAKAN LALULINTAS DUN BANDAR UTAMA

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha-usaha dan rancangan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah kesesakan jalan raya di kawasan DUN Bandar Utama seperti Lebuhraya Bandar Utama - Damansara Link (terutamanya apabila kesesakan lalu lintas akan bertambah dengan projek pembinaan LRT 3)?

JAWAPAN:

- a) Langkah-langkah Majlis di dalam mengatasi masalah kesesakan jalan raya di kawasan pembinaan LRT3 Bandar Utama adalah seperti berikut:-
- i. Pelebaran Jalan Tropicana Selatan
Jalan Tropicana Selatan hendaklah dilebarkan kepada 3 lorong, 1 lorong ke kanan dan boleh keluar ke Lebuhraya SPRINT ke arah pembangunan BUCC dan ke stesen LRT.
 - ii. Menukar Priority Junction di Jalan Tropicana Selatan
Menukar Priority Junction di Jalan Tropicana Selatan kepada pembinaan bulatan round about beserta garisan jalan mengikut piawaian Majlis.
 - iii. Kedudukan 'Pier' Tidak Mengganggu Cadangan Terowong
Memastikan kedudukan 'pier' bagi jajaran guideway tidak mengganggu cadangan terowong yang akan dibina oleh pihak pemaju Bandar Utama untuk masuk terus ke pembangunan Bandar Utama Capitol diantara pagar sekolah dengan *ramp* naik ke *interchange* yang menyambungkan kedua-dua belah Lebuhraya Bandar Utama.
 - iv. Mengadakan Petak Letak Bas, Petak Tempat Letak Teksi, Petak Tempat Letak Kereta Persendirian Di Kawasan 'Park & Ride'
 - v. Mengadakan 4 petak letak bas, 10 petak tempat letak teksi, 10 petak tempat letak kereta persendirian di dalam kawasan 'park & ride' di stesen LRT3.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL OLEH KDEB

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan keberkesanan pengurusan sisa pepejal KDEB serta cabaran-cabaran yang masih kini dihadapi oleh KDEB.
- b) Kami menerima maklumbalas mengatakan sistem aduan (termasuk iClean Selangor, nombor talian, WhatsApp dan E-mail) tidak begitu berkesan. Apakah tindakan-tindakan yang sedang diambil oleh KDEB dalam memperbaiki sistem aduan terkini?
- c) Apakah strategi KDEB dalam pengutipan sampah di kawasan kampung yang mempunyai jalan sempit? Adakah KDEB akan menggunakan pengangkutan yang lebih kecil (e.g. motosikal tiga roda)?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang ke-7 bagi tahun 2016 yang diadakan pada 24 Februari 2016 telah melantik KDEB Waste Management Sdn. Bhd. (KDEBWM), anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Selangor sebagai *Project Management Company* (PMC) bagi menguruskan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam secara holistik. Daerah Klang di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Klang (MPK) telah dipilih sebagai projek perintis dan KDEBWM telah memulakan operasinya di Klang bermula pada 1 Julai 2016 yang lalu. Melalui Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) pada 1 Mac 2018, Kerajaan Negeri telah mengarahkan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menyerahkan pengurusan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam yang sebelum ini diuruskan oleh PBT kepada KDEBWM. Sehingga bulan Ogos 2018, selain dari MPK, KDEBWM juga telah mengambil alih hampir keseluruhan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam di seluruh negeri Selangor termasuk di Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ). KDEBWM dijangka akan melengkapkan pengambilalihan di kesemua kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang lain di seluruh negeri Selangor secara berperingkat pada tahun ini dan tahun hadapan.

Pelbagai pembaharuan telah dilaksanakan oleh KDEBWM bagi memastikan keberkesanan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Selangor. Antaranya ialah penggunaan lori-lori kompaktor dan RORO baru buatan jenama terkemuka Jepun yang dilengkapi dengan pelbagai gajet dan sistem pemantauan terkini seperti *Auto Vehicle Locating System (AVLS)*, CCTV, kamera undur dan sebagainya. Operasi harian lori-lori kompaktor dan RORO baru ini dipantau secara *'real time'* dari *Centralised Command Center (CCC)* KDEBWM.

Antara faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan dan keberkesanan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam oleh KDEBWM sudah pasti hasil daripada inisiatif di bawah program *Smart Waste Management* di mana semua lori RORO baru KDEB Waste dilengkapi dengan sistem GPS *tracker* bagi memantau pergerakan lori secara *'real time'* dan ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kejadian lori-lori yang tidak masuk ke kawasan, culas dalam menjalankan tugas dan sebagainya.

Penggunaan gajet-gajet dan sistem-sistem yang canggih dan terkini oleh KDEBWM di dalam pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam ini adalah selaras dengan aspirasi kerajaan negeri bagi menjadikan Selangor sebuah negeri pintar di bawah inisiatif *Smart Selangor*. Pembaharuan yang telah diperkenalkan oleh KDEBWM dengan penggunaan pelbagai gajet dan sistem yang canggih dan terkini ini telah mendapat pengiktirafan apabila KDEBWM telah dianugerahkan sebagai *Smart Waste Solution Company of The Year 2018* oleh *Frost and Sullivan*.

Keberkesanan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di bawah KDEBWM kini dapat dibuktikan apabila statistik aduan yang melibatkan sisa pepejal domestik dan pembersihan awam di semua PBT yang telah diambil alih oleh KDEBWM telah menunjukkan trend penurunan yang amat signifikan melebihi 50% bermula pada bulan kedua pengambilalihan. Adalah menjadi satu trend biasa di mana aduan agak tinggi pada bulan pertama pengambilalihan atas faktor seperti sub-kontraktor lantikan baru KDEBWM yang masih di dalam proses untuk mengenali selok-belok kawasan perkhidmatan mereka di samping masalah-masalah tipikal seperti kerosakan lori dan sebagainya. Walaubagaimanapun, semua permasalahan semasa *transition period* ini kebiasaannya dapat diatasi bermula pada bulan kedua KDEBWM beroperasi di PBT tersebut apabila sub-kontraktor telah mula mahir dengan kawasan perkhidmatan mereka di samping penyerahan lori-lori baru KDEBWM kepada semua sub-kontraktor yang sekaligus dapat mengatasi masalah kerosakan lori yang sering dihadapi oleh sub-kontraktor yang menggunakan lori lama mereka sendiri pada peringkat permulaan operasi.

Jumlah aduan juga adakalanya meningkat pada musim perayaan berikutan pertambahan jumlah penghasilan sampah sempena persediaan bagi menyambut sesuatu perayaan. Penghasilan sampah juga kebiasaannya tinggi dan adakalanya sukar dibendung di kawasan-kawasan yang dibanjiri oleh pendatang asing. Ini adalah senario biasa di dalam industri sisa pepejal dan pembersihan awam dan kesemua aduan ini telah diselesaikan dengan jangka masa yang singkat oleh KDEBWM.

Tinjauan secara rambang di kalangan penduduk di semua PBT yang telah menggunakan perkhidmatan KDEBWM juga mendapati bahawa mereka amat berpuas hati dengan mutu perkhidmatan yang diberikan oleh KDEBWM dan yang paling penting setiap aduan yang dikemukakan telah diberikan maklum balas segera oleh pasukan operasi KDEBWM dan diselesaikan dengan pantas dan sistematik.

Berhubung dengan cabaran yang masih dihadapi oleh KDEBWM, industri pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam ini adalah satu industri yang melibatkan 3M iaitu *Man, Machine dan Method* dan adakalanya berlaku permasalahan di luar kawalan seperti masalah tenaga kerja, kerosakan lori dan strategi operasi yang kurang berkesan. Cabaran lain di dalam menguruskan sisa pepejal dan pembersihan awam ini adalah faktor 2M lagi iaitu *mentality dan migrant*. Sikap penduduk yang tidak menghiraukan aspek kebersihan apabila dengan sewenang-wenangnya membuang sampah merata-rata di samping kebanjiran pendatang asing di negeri Selangor juga turut menjadi cabaran utama bukan sahaja kepada KDEBWM tetapi juga Kerajaan Negeri sendiri. Tiada istilah *smooth sailing* di dalam pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam ini atas faktor 3+2M yang dinyatakan di atas. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri mempunyai keyakinan penuh di atas kemampuan dan kredibiliti KDEBWM bagi menguruskan semua cabaran-cabaran ini dan seterusnya mampu untuk merealisasikan hasrat kerajaan negeri untuk menjadikan Selangor sebuah negeri yang bersih dan sihat.

b) Untuk makluman, KDEB Waste Management Sdn. Bhd. melalui Pusat Aduan Setempat atau "*Centralized Command Centre*" (CCC) menerima pelbagai jenis aduan sampah melalui tujuh (7) saluran aduan iaitu:

1. *Nombor talian Bebas Tol Aduan Selangor*
2. *Nombor talian terus KDEBWM*
3. *Whatsapp (KDEBWM)*

4. *Email (KDEBWM)*

5. *Aplikasi iClean Selangor*

6. *Sistem SISPAA (“Sistem Pengurusan Aduan Awam Selangor”)*

7. *Fax (KDEBWM)*

Kesemua aduan dari ketujuh-tujuh mekanisme di atas telah direkod dan dipantau dengan baik oleh Pegawai-pegawai CCC. Semua aduan yang diterima bagi tempoh Januari hingga Julai 2018 telahpun diselesaikan segera selaras dengan standard operasi KDEBWM yang sentiasa bersikap pro-aktif dan responsif dimana KDEBWM mensasarkan supaya semua aduan yang diterima diselesaikan dalam tempoh 24 jam. Penurunan jumlah aduan yang direkodkan oleh KDEBWM adalah indikator utama dalam menilai kejayaan pengurusan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam .

Seperti dijelaskan sebelum ini adalah menjadi satu trend biasa di mana aduan agak tinggi pada bulan pertama pengambilalihan atas faktor seperti sub-kontraktor lantikan baru KDEBWM yang masih di dalam proses untuk mengenali selok-belok kawasan perkhidmatan mereka di samping masalah-masalah tipikal seperti kerosakan lori dan sebagainya. Jumlah aduan juga adakalanya meningkat pada musim perayaan berikutan pertambahan jumlah penghasilan sampah sempena persediaan bagi menyambut sesuatu perayaan. Penghasilan sampah juga kebiasaannya tinggi dan adakalanya sukar dibendung di kawasan-kawasan yang dibanjiri oleh pendatang asing. Ini adalah senario biasa di dalam industri sisa pepejal dan pembersihan awam dan kesemua aduan ini telah diselesaikan dengan jangka masa yang singkat oleh KDEBWM. Semua aduan yang diterima di Pusat Aduan Setempat KDEBWM diurus dengan baik pada setiap hari bermula pada Isnin sehingga Jumaat termasuk Cuti Umum dari jam 9.00 pagi sehingga 5.00 petang.

Pihak KDEBWM dengan kerjasama Ahli Majlis dan semua pihak PBT yang terlibat sentiasa komited membuat hebahan mekanisme aduan termasuk hebahan di media sosial, paparan di lori dan pada papan tanda kawasan bagi memastikan para penduduk di semua kawasan yang telah diambilalih peka dan maklum tentang saluran aduan yang telah diwujudkan oleh KDEBWM dan Kerajaan Negeri Selangor.

- c) KDEBWM mempunyai pengalaman menguruskan kutipan sampah di beberapa kawasan kampung di Klang, Selayang, Ampang Jaya dan Kajang. Antara cabaran utama yang dihadapi dalam menguruskan kutipan sampah di kawasan kampung adalah laluan yang sempit dan tidak boleh dilalui oleh lori kompaktor.

Bagi mengatasi masalah ini, strategi ,perancangan operasi yang tepat dan penggunaan jentera yang bersesuaian adalah penting bagi memastikan keberkesanan operasi kutipan. Pada kebiasaannya, pihak sub- kontraktor akan menggunakan lori armroll untuk mengutip sampah di lorong-lorong yang tidak dapat dilalui oleh lori kompaktor.

KDEBWM juga merancang untuk menggunakan lori kompaktor mini sebagai alternatif kepada penggunaan lori armroll di laluan sempit dan sukar dilalui oleh lori kompaktor.

Sekiranya terdapat laluan yang tidak boleh dilalui oleh lori kompaktor, lori kompaktor mini atau armroll, KDEBWM akan menggunakan motorsikal roda tiga untuk mengutip sampah-sampah dilaluan sempit ini.

Sehingga kini terdapat dua zon perkhidmatan di Klang yang menggunakan motorsikal roda tiga bagi melaksanakan operasi kutipan sampah iaitu di Kampung Delek dan Kampung Sungai Udang manakala di Ampang Jaya pula di kawasan Taman Tasik Tambahan dan Kampung Tasek Permai.

Penggunaan motorsikal roda tiga ini adalah tertakluk kepada keperluan dan keadaan laluan di kawasan perkhidmatan. Sekiranya terdapat keperluan, KDEBWM akan menggunakannya bagi memastikan kutipan sampah di kawasan yang terlibat berada dalam keadaan baik mengikut jadual yang telah ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : KAJIAN PENGANGKUTAN AWAM SELANGOR

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah projek-projek utama pengangkutan awam yang akan dilaksanakan bagi mencapai sasaran nisbah 60:40 penggunaan pengangkutan awam berbanding kenderaan persendirian? Tahun bila target Kerajaan Negeri bagi mencapai matlamat tersebut?
- b) Sila nyatakan jumlah kajian dan penyelidikan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk memperbaiki keadaan kesesakan lalu lintas di Selangor terutamanya Petaling Jaya.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah menyediakan Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor (PIPANS) sebagai dokumen rujukan bagi memberikan lakaran alternatif baru jajaran dan jalinan pengangkutan awam supaya pelaksanaan projek-projek pengangkutan di Negeri Selangor dapat dirangka menepati keadaan semasa dan kehendak rakyat Negeri Selangor.

Pelan tersebut telah mengenalpasti sistem pengangkutan awam menggunakan landasan yang terdiri daripada 12 cadangan koridor laluan pengangkutan awam yang mempunyai laluan paling optimum untuk Negeri Selangor. Namun begitu, perancangan untuk melaksanakan projek-projek utama pengangkutan awam ini berdasarkan koridor laluan yang telah dikenalpasti, memerlukan penyelarasan dan penglibatan daripada pelbagai pihak khususnya di peringkat Kerajaan Persekutuan bagi merancang pembangunan yang dapat diintegrasikan ke dalam pelan-pelan agensi sedia ada dan seterusnya dapat merealisasikan matlamat Kerajaan Negeri untuk mencapai *modal split* pengangkutan awam menjelang tahun 2035 dengan nisbah pengangkutan awam sebanyak 60 peratus berbanding 40 peratus penggunaan kenderaan persendirian di Negeri Selangor.

- b) Buat masa ini, Kerajaan Negeri berpandukan Kajian Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 yang dijalankan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) Selangor, di mana kajian bagi sektor perhubungan dan pengangkutan turut merangkumi aspek yang menyeluruh dalam sistem pengangkutan awam sedia ada, sistem jaringan jalan raya dan lalu lintas yang akan membantu memperbaiki sistem pengurusan trafik di Negeri Selangor. Selain itu, kajian trafik turut dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor sebagai sebahagian daripada keperluan di dalam projek-projek menaiktaraf jalan raya.

Kerajaan Negeri bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa memastikan kemudahan infrastruktur pengangkutan awam dapat direncanakan sebaik mungkin demi menjaga keharmonian rakyat. Selaras dengan itu, Kerajaan Negeri yakin bahawa inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) untuk menyediakan Pelan Induk Pengangkutan pada tahun 2014 akan membantu pihak Majlis dalam merangka pembangunan sektor pengangkutan awam yang lebih terancang, menyeluruh dan berkesan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : PELABURAN DAN PELUANG PEKERJAAN

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah baharu pelaburan asing dan domestik di Negeri Selangor serta jumlah peluang pekerjaan baharu daripada pelaburan ini.
- b) Apakah terdapat perancangan Kerajaan Negeri bagi mewujudkan pekerjaan berkualiti bergaji, terutamanya untuk golongan belia? (Gaji lebih daripada RM2,500)? Sekiranya ya, apakah perancangan dan garis masa perancangan tersebut?
- c) Apakah terdapat perancangan terkini untuk menubuhkan pusat-pusat pekerjaan di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Bagi tempoh Januari hingga Mac 2018, Negeri Selangor mencatatkan jumlah pelaburan bernilai **RM812,649,654** dengan **35 projek** perkilangan yang diluluskan. Daripada jumlah ini, sebanyak **27 projek** merupakan **projek baru** dengan nilai pelaburan berjumlah **RM667,452,779** telah diluluskan di Negeri Selangor. Daripada jumlah ini, sebanyak **RM370,297,437** atau **55%** adalah dari pelaburan tempatan dan sebanyak **RM297,155,342** atau **45%** daripada pelaburan asing.

Manakala sebanyak **8 projek** merupakan projek **pembesaran/pelbagaian** dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 145,196,875**. Daripada jumlah ini sebanyak **RM 56,595,567** atau **38%** adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak **RM 88,601,308** atau **62%** adalah daripada pelaburan asing.

Secara dasarnya, sebanyak **1,919 potensi peluang pekerjaan** telah diwujudkan daripada jumlah kelulusan projek perkilangan ini. Sebanyak **1,619 potensi peluang pekerjaan** adalah daripada **projek baru**, dan sebanyak **300** daripada projek-projek **pembesaran/pelbagaian**. Negeri Selangor telah menyumbang kira-kira **11%** daripada jumlah peluang pekerjaan yang berjaya diwujudkan disektor perkilangan di seluruh negara bagi tempoh ini.

Sumber : MIDA

- b) Kerajaan Negeri pada masa ini masih belum ada perancangan khusus untuk mewujudkan pekerjaan berkualiti bergaji. Walaubagaimanapun, dengan penumpuan kepada 5 'cluster' dan sektor pembuatan sebagaimana yang dilakarkan dalam '*Industrial Masterplan Selangor*' dan perancangan ke arah Revolusi Perindustrian Keempat (*Fourth Industrial Revolution*) sudah pasti pekerjaan yang akan diwujudkan adalah pekerjaan yang berkualiti tinggi.
- c) Pada masa yang sama, tahap tangga gaji sekarang berdasarkan pasaran semasa dan kemahiran yang dapat ditawarkan oleh pihak pekerja. Selain itu, pihak syarikat juga tertakluk kepada polisi yang sedia ada yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Sumber Manusia.
- d) Pada masa ini Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk menubuhkan pusat – pusat pekerjaan di Negeri Selangor kerana Jabatan Tenaga Kerja yang terdapat di daerah – daerah berperanan untuk membantu para belia mendapatkan peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan kemahiran dan kekosongan yang ada.

Dalam pada itu, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor telah mewujudkan ***Selangor Talent Portal Applications***. Aplikasi ini dapat dijadikan sebagai platform dan sumber rujukan kepada para pelabur untuk mendapatkan tenaga kerja yang bersesuaian dengan kehendak mereka bagi mengisi jawatan-jawatan yang diperlukan. Selain itu, ianya juga menjadi platform kepada graduan yang baru menamatkan pengajian untuk mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelulusan dan kemahiran mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : KEBAJIKAN WANITA

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk memberikan ujian Pap Smear percuma bagi golongan wanita di Negeri Selangor?
- b) Apakah matlamat dan objektif utama Penubuhan PEKAWANIS dan apakah perbezaan skop PEKAWANIS berbanding PWB?
- c) Senaraikan jenis-jenis program atau skim yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu golongan ekonomi golongan wanita atau ibu tunggal di Selangor, serta jumlah peruntukkan yang disediakan untuk tujuan tersebut.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri buat masa ini tidak mempunyai perancangan untuk memberikan ujian Pap Smear secara percuma bagi golongan wanita di Negeri Selangor.
Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mengambil maklum dan menyambut baik cadangan memberikan ujian Pap Smear percuma tersebut sekiranya terdapat keperluan dan sebagai salah satu penambahbaikan ke atas program Skim Kesihatan Wanita sedia ada melalui Mammogram Selangor (MammoSel) iaitu saringan pemeriksaan awal bagi mencegah kanser payu dara untuk manfaat dan kesejahteraan golongan wanita di Selangor.
- b) Sebagai makluman Yang Berhormat, Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (PEKAWANIS) adalah sebuah pertubuhan yang dinaungi oleh YAM Tengku Puteri Hjh Arafiah bt Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj Yang, Di Pertua Pekawanis ialah isteri kepada YAB Menteri Besar Selangor dan dianggotai bersama para isteri wakil rakyat, ADUN dan Ahli Parlimen wanita serta ahli-ahli kehormat yang dijemput menganggotainya. PEKAWANIS ditubuhkan

sebagai sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang bertujuan untuk membantu rakyat Selangor meningkatkan kualiti kehidupan. Misi PEKAWANIS adalah meningkatkan kualiti hidup rakyat Negeri Selangor melalui ilmu pengetahuan dengan mengutamakan aspek kebajikan, manakala visi mereka adalah menjadi pertubuhan yang peka dengan kesejahteraan rakyat.

(sumber dari internet)

<https://www.vectorise.net/forums/downloads.php?s=a8da6d69b7bea19becdae58d70688f4b&do=file&id=545>)

Manakala Pusat Wanita Berdaya (PWB) yang dahulu dikenali sebagai Pusat Komuniti Wanita (PKW) telah diwujudkan sejak tahun 2009 di lapan (8) DUN di Negeri Selangor sebagai medan bagi memberdaya dan menggalakkan wanita di sesebuah komuniti untuk bergiat aktif selain melaksanakan aktiviti yang boleh menjana pendapatan kepada komuniti tersebut.

Penubuhan PWB di 56 DUN di Negeri Selangor ini merupakan salah satu mekanisme dalam memenuhi pelaksanaan program pengembangan kapasiti dan aktiviti kemahiran yang meliputi 10 bidang focus seperti berikut :-

- i. Ekonomi;
- ii. Perundangan;
- iii. Kepimpinan dan pendemokrasia;
- iv. Urus Tadbir Baik;
- v. Pembangunan Keluarga;
- vi. Kesihatan Keluarga;
- vii. Keselamatan Keluarga;
- viii. Keusahawanan;
- ix. Latihan Gender; dan
- x. Alam Sekitar dan Penggunaan.

- c) Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan pelbagai program di bawah Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) dan program-program di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Wanita dan Keluarga untuk dimanfaatkan oleh semua golongan wanita termasuklah kepada golongan ibu tunggal tertakluk kepada kriteria yang ditetapkan.

Senarai jenis-jenis program atau skim yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu ekonomi golongan wanita atau ibu tunggal di Selangor adalah seperti berikut :

BIL	PERKARA	CATATAN
1.	Program Pemberdayaan Wanita	Berbentuk kursus-kursus kemahiran, latihan dan bimbingan, program keusahawanan sosial, pembinaan jati diri
2.	Skim Kesihatan Wanita (Mammosel)	Pemeriksaan Saringan Mammogram Percuma kepada Wanita Selangor yang berumur 35 tahun ke atas.
3.	Program Kasih Ibu <i>Smart</i> Selangor (KISS)	Bantuan bulanan kepada ibu yang berkeluarga yang mempunyai tanggungan anak berumur 21 tahun ke bawah akan menerima sebanyak RM200 sebulan untuk membeli keperluan yang dibenarkan.
4.	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	Tabung simpanan untuk anak-anak kelahiran Selangor sebanyak RM1,500 apabila mencapai umur 18 tahun.
5.	Skim Bantuan Asuhan Anakku Pintar (Asuh Pintar)	Bantuan yuran taska atau nurseri sebanyak RM100 setiap bulan.

BIL	PERKARA	CATATAN
6.	Bantuan Tadika Negeri Selangor (TUNAS)	Bantuan yuran tadika sebanyak RM50 setiap bulan.
7.	Hadiah Anak Masuk Universiti	Hadiah sebanyak RM1,000 untuk anak-anak melanjutkan pengajian ke IPT/IPTS yang diiktraf Kerajaan bagi pengajian diploma atau ijazah sarjana muda
8.	Skim Mikrokredit Hijrah	Modal bantuan berniaga sehingga RM50,000
9.	Bantuan Kesihatan Sihat Selangor	Bantuan kos rawatan bagi pesakit buah pinggang sehingga RM5,000.00, bantuan kaki palsu, pembedahan katarak serta rawatan – rawatan lain atau pembelian alat sokongan.

Kesemua program yang ditawarkan ini meliputi pelbagai aspek bukan sahaja bagi mengurangkan beban kewangan tetapi juga sebagai salah satu jaringan sistem sokongan kepada para ibu tunggal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : JALAN, LAMPU JALAN, LAMPU ISYARAT DI BAWAH JKR SELANGOR

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Keadaan jalanraya di kawasan Klang tidak begitu memuaskan, begitu juga banyak lampu jalan dan lampu isyarat bawah JKR Selangor tidak berfungsi, ini telah membahayakan kepada pengguna jalanraya. Berapakah peruntukan yang akan pohon dari Kerajaan Persekutuan untuk menaiktaraf/ menyelenggara untuk tahun 2019?

JAWAPAN:

- a) Bagi daerah Klang, JKR Selangor telah memohon sejumlah peruntukan daripada Cawangan Senggara Fasiliti Jalan (CSFJ), Ibu Pejabat JKR Malaysia untuk tahun 2019 bagi membaiki kerosakan jalan, perabot jalan dan penyelenggaraan lampu jalan dan lampu isyarat seperti berikut:

Bil	Perkara	Peruntukan (RM)
1	Kerja Pavemen	58, 240, 000.00
2	Kerja Bukan Pavemen	7, 555, 000.00
3	Penyelenggaraan Lampu Jalan dan Lampu Isyarat	15, 000, 000.00
JUMLAH		80, 795, 000.00

Peruntukan yang diluluskan bagi daerah Klang untuk tahun semasa adalah seperti berikut:

Bil	Perkara	Peruntukan (RM)
1	Kerja Pavemen	3, 300, 000.00
2	Kerja Bukan Pavemen	382, 451.04
3	Penyelenggaraan Lampu Jalan dan Lampu Isyarat	150,000.00
JUMLAH		3,832,451.04